

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Jumat bin Idris
[Sepanggar]**

NO. SOALAN : 144

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk membina bekalan air paip di kampung-kampung di kawasan DUN Inanam yang melibatkan kampung daripada Telipok, Menggatal sampai ke Sukang Mapai yang sehingga ke hari ini tidak mempunyai bekalan air walaupun terletak berhampiran dengan kawasan bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) adalah berdasarkan senarai keutamaan Pihak Berkuasa Negeri.

Berdasarkan semakan dan laporan yang dikemukakan oleh Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), kebanyakan kampung di DUN Inanam telah mempunyai bekalan air paip terutamanya penduduk yang tinggal di tanah rendah. Hanya penduduk di kawasan tanah tinggi yang masih belum menerima bekalan air paip sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan mempertimbangkan pembekalan air kepada baki penduduk di kawasan Inanam dalam Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11). Pelaksanaan projek bergantung kepada kelulusan peruntukan dari Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]
SOALAN :

Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan keadaan sosial demografi yang sentiasa berubah dan kawasan yang pesat membangun, berapakah Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan yang akan dibina di kawasan Sepanggar di masa hadapan seperti di dalam perancangan Kementerian.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan pembinaan sekolah bagi memastikan ke semua rakyat Malaysia di setiap negeri mendapat akses pendidikan yang sewajarnya. Bagi kawasan Sepanggar, Sabah, KPM telah merancang pembinaan 5 buah sekolah pada masa akan datang iaitu sebuah Sekolah Menengah dan 4 buah sekolah rendah. Walau bagaimanapun kelulusan terhadap cadangan-cadangan tersebut adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

RUJUKAN : 6940

SOALAN:

Datuk Jumat Bin Idris (Sepanggar) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian dalam menangani kegiatan penagihan dadah khususnya syabu yang kini merebak luas di Sabah khususnya di kawasan Sepanggar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah mengenalpasti beberapa kawasan berisiko tinggi dari segi penagihan dadah di Negeri Sabah.

Sebanyak 38 kawasan berisiko tinggi yang dikenalpasti di seluruh Sabah termasuk 13 kawasan di Kota Kinabalu, empat (4) kawasan di Sandakan, enam (6) kawasan di Lahad Datu, tiga (3) kawasan di Kunak, empat (4) kawasan di Semporna, empat (4) kawasan di Tawau dan satu (1) kawasan di Papar.

Bagi menyelaraskan aktiviti membanteras dadah di Sabah, Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) peringkat Negeri Sabah telah diadakan pada 15 Mei 2014. Mesyuarat ini juga telah bersetuju untuk menubuhkan tiga jawatankuasa teknikal untuk menangani masalah di kawasan berisiko tinggi berkenaan. Jawatankuasa itu akan menjalankan tiga (3) fungsi berasingan iaitu Jawatankuasa Teknikal Untuk Membangkitkan Kesedaran, Jawatankuasa Teknikal Untuk Membuat Profail pengedar dan Penagihan Dadah dan Jawatankuasa Teknikal Untuk Penguatkuasaan Undang-undang. MTMD juga akan bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali setahun untuk melihat kemajuan dan perkembangan Jawatankuasa tersebut.

Bagi kawasan Sepanggar khususnya yang terletak di kawasan Kota Kinabalu, AADK telah menjalankan risikan di kawasan tersebut atas

aduan awam. Atas hasil maklumat risikan, satu Operasi Perdana dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Lembaga Perlesenan Kenderaan Persekutuan (LPKP), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah dilaksanakan di kawasan Sepanggar pada 15 Mei 2014. Dalam operasi ini, AADK telah menahan sembilan (9) orang yang disyaki terlibat dengan penagihan dadah.

Bagi mempertingkatkan usaha-usaha membanteras masalah penagihan dadah syabu di Sabah, AADK akan melaksanakan program yang berfokus secara berterusan di semua kawasan berisiko tinggi termasuk kawasan Sepanggar supaya kawasan-kawasan ini dapat dibersihkan daripada masalah dadah.

Program yang berfokus adalah pelaksanaan program-program pencegahan, pemulihan dan penguatkuasaan di kawasan-kawasan berisiko tinggi yang mensasarkan kepada penagih dadah, Orang Kena Pengawasan (OKP), sekolah berisiko tinggi, keluarga berisiko tinggi dan kawasan penempatan penduduk yang berisiko tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

SOALAN : 147

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- (a) apakah masalah dan kekangan yang menyebabkan projek pembesaran KKIA (Kota Kinabalu International Airport) belum disiapkan serta kos anggaran sehingga ianya siap kelak; dan
- (b) sama ada ILS (Instrument Landing System – Sistem Intrumen Pendaratan) dipasang di KKIA dan bilakah dijangka operasi di Terminal 2 KKIA di pindah ke Terminal Utama KKIA.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

(a) Projek Peningkatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah ini terdiri daripada dua pakej. Pakej pertama melibatkan kerja-kerja menaik taraf bangunan terminal dan telahpun siap sepenuhnya pada tahun 2010. Pakej kedua pula melibatkan kerja-kerja menaik taraf kawasan *airside* seperti pemanjangan dan pelebaran landasan, laluan taksian (*taxiway*), tempat memakir pesawat dan sebagainya. Kerja-kerja menaik taraf pakej kedua ini telah mengalami kelewatan. Kelewatan ini disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- i) isu pengambilan tanah;
- ii) perpindahan setinggan;
- iii) pertambahan syarikat penerbangan luar yang menggunakan perkhidmatan landasan di waktu malam iaitu ketika *working windows* (daripada jam 1.30 hingga 6.30 pagi); dan,
- iv) prestasi pihak kontraktor yang tidak memuaskan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mengatasi kelewatan dan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan ditapak, kerajaan telah telah menamatkan Kontrak kerja dengan kontraktor asal. Lanjutan itu, kerajaan telah

melantik kontraktor penyelamat bagi menyiapkan baki kerja-kerja yang tertunggak dan kerja-kerja memperbaiki kecacatan.

Berhubungan dengan kos, kos kontrak asal ialah RM720 juta manakala kos bagi perlantikan kontraktor penyelamat serta perunding baharu bagi menyiapkan keseluruhan baki projek ini dianggarkan sebanyak RM211.46 juta.

- (b) *Instrument Landing System* atau ILS telah dipasang dan disahkan lulus oleh Jabatan Penerbangan Awam pada 23 April 2014.

Berhubung dengan perpindahan AirAsia dari Terminal 2 ke Terminal 1 di KKIA, MAHB telah menjemput AirAsia untuk memulakan perbincangan melalui surat bertarikh 24hb Mac 2014. AirAsia melalui surat bertarikh 27hb Mac 2014 telah bersetuju untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan MAHB. Susulan penglibatan MAHB dalam insiden mencari MH370 dan persediaan untuk pembukaan rasmi KLIA2 pada 24 Jun 2014, MAHB akan mengadakan satu perbincangan dengan AirAsia pada akhir bulan Jun 2014